

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)53

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

53. Adakah Kerajaan Negeri akan meminda syarat kelayakan menyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi pemohon / pasangan yang berpendapatan tidak melebihi RM750.00 atau pendapatan isi sekeluarga kurang daripada RM1,500.00?
- (a) Mohon senaraikan jumlah penyewa PPR berpendapatan isi rumah kurang dan melebihi RM1,500.00 di kawasan Parlimen Bagan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

53. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk memastikan semua rakyatnya, khususnya di Pulau Pinang, dapat memiliki kediaman yang selesa dan mampu dimiliki, seiring dengan slogan “Satu Keluarga Satu Rumah”.

Sebagai langkah untuk menjaga kebajikan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sedang melaksanakan kajian semula terhadap syarat-syarat permohonan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN), serta Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk memastikan

syarat kelayakan lebih sesuai dengan keadaan semasa dan memberi peluang yang lebih luas kepada golongan yang memerlukan.

Pada masa ini, syarat kelayakan untuk penyewaan PPR dan rumah sewa di Pulau Pinang adalah berdasarkan jumlah pendapatan pemohon/suami/isteri tidak melebihi RM750.00 atau pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM1,500.00 sebulan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk menilai semula had pendapatan ini agar lebih selari dengan Nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terkini iaitu sebanyak RM2,209.00 sebulan berdasarkan kajian rasmi yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ia bertujuan agar lebih ramai golongan yang memerlukan diberi peluang untuk memiliki rumah yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Kerajaan Negeri juga melalui Manifesto Perpaduan 2023 di bawah Tema 9: 'Memperkasakan Golongan Wanita dan Belia' telah memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjadikan unit-unit PPR yang bakal dibekalkan di Pulau Pinang ditawarkan sebagai Skim Perumahan Sewa Khas bagi golongan belia atau bujang. Antara projek yang telah dikenal pasti

bagi tujuan tersebut adalah Projek PPR Kota Giam yang akan membekalkan keseluruhan 500 unit PPR di Kota Giam dengan kos RM100,000,000.00.

Antara syarat-syarat yang akan ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Terbuka kepada individu belia berusia antara 21 tahun sehingga 40 tahun dan dalam kategori bujang termasuk Bujang Lanjut Usia;
- (ii) Pemohon mestilah berpendapatan bulanan kurang dari RM1,500.00; dan
- (iii) Pemohon adalah anak kelahiran Pulau Pinang, pengundi berdaftar Pulau Pinang atau bermastautin di Pulau Pinang.

Langkah ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperbaiki akses kepada perumahan yang lebih mampu milik dan menyeluruh, demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

- (a) Berdasarkan rekod dalam pangkalan data LPNPP, sehingga 30 September 2024, terdapat **422 orang penyewa**

mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada **RM1,500.00** dan sejumlah **41 penyewa** mempunyai **pendapatan isi rumah melebihi RM1,500.00** dalam kawasan Parlimen Bagan.